

16/10/1999

Iran pelawa pelabur Malaysia

KUALA LUMPUR, Jumaat - Iran mempelawa Malaysia memainkan peranan aktif dalam rancangan ekonomi lima tahun ketiga negara itu yang akan diluluskan oleh Parlimen negara berkenaan, tidak lama lagi.

Naib Speaker Pertama Dewan Perundangan Iran, Dr Hassan Rouhani, berkata Malaysia boleh memainkan peranan aktif terutama dalam sektor pelaburan.

Pelawaan itu disampaikan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada satu pertemuan mereka di Putrajaya hari ini, kata Dr Hassan di sini, hari ini.

"Secara umumnya, kami meminta Perdana Menteri memainkan peranan aktif dalam program ekonomi kami. Kami dapat meluaskan hubungan dua hala kami melalui langkah ini," katanya pada akhir lawatan seminggu beliau ke Malaysia.

Dr Hassan berkata kedua-dua pihak juga bersetuju untuk meningkatkan kerjasama mereka dalam industri gas dan minyak, bukan saja di Iran tetapi juga di negara-negara lain di rantau ini.

Petronas terbabit dengan medan minyak South Pars di Iran dalam satu usahasama dengan Total SA dari Perancis dan Gazprom dari Russia.

Dr Hassan berkata Iran dan Malaysia juga akan meningkatkan kerjasama mereka.

Beliau berkata pada pertemuan itu, mereka juga membincangkan isu-isu negara Balkan dan Timor Timur.

"Saya khususnya kagum dengan bangunan pentadbiran kerajaan di Putrajaya. Ia mempunyai banyak senibina Islam terutama yang diinspirasikan oleh Isfahan (bandar kembar Kuala Lumpur)," katanya.

(END)